MUSA: SILA ANGKUT...

Orang luar kritik ISA dicabar

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan hari ini membuat tawaran kepada kumpulan-kumpulan dan orang perseorangan di merata dunia yang bersimpati dengan orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) supaya 'menganak angkatkan' mereka ke negeri masing-masing, dan mereka tidak dibenarkan lagi pulang ke negara ini.

Mengumumkan demikian, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, "Dari dahulu lagi, sejak undang-undang ISA diluluskan oleh Parlimen, kerajaan menerima berbagai surat, telegram dan rayuan dari kumpulan-kumpulan serta individu dari negara luar yang menyuarakan simpati mereka ke atas orang-orang tahanan ISA."

"Mereka memberi gambaran orang-orang tahanan itu sentiasa ditindas dan hidup dalam keadaan tersiksa," katanya.

Datuk Musa berkata, kumpulan-kumpulan dan individu itu juga sering kali cuba memperingatkan kerajaan tentang erti kata kebebasan dan bagaimana undang-undang ISA telah melanggar prinsip-prinsip itu.

Memberi peluang

"Oleh demikian, kerajaan mengambil keputusan membuat tawaran kepada semua pihak yang bersimpati penuh dengan orang-orang tahanan ISA supaya mengambil mereka tinggal di negeri masing-masing," kata Datuk Musa dalam satu sidang akhbar di akhir lawatan beliau empat jam di Ibu Pejabat Polis, di Bukit Aman di sini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kumpulan-kumpulan serta individu di negara luar sentiasa membuat bandingan tentang kebebasan yang terdapat di negeri mereka dengan apa yang dinikmati oleh rakyat Malaysia.

"Mereka berpendapat, kebebasan yang ada di negara-negara mereka adalah lebih luas. Jadi kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk mengambil orang-orang tahanan ISA supaya mengecapi kebebasan yang ada di negara mereka," ujar beliau.

Mengenai syarat dalam tawaran kerajaan itu bahawa mereka yang 'dianak angkatkan' oleh negara-negara berkenaan tidak boleh kembali ke tanah air, Datuk Musa berkata:

"Seperti yang saya pernah sebutkan dahulu, kerajaan tidak sanggup menerima kembali orang-orang yang meninggalkan negeri ini untuk tinggal di negara-negara lain di waktu susah tetapi ingin kembali semula apabila langit cerah semula."